

0752

U B427 DEB
MAHATHIR - MUFLIS

KUALA LUMPUR, 14 SEPT (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO HARI INI MENGARAHKAN DIADAKAN SEMULA PEMILIHAN BAGI UMNO BAHAGIAN PASIRSALAK DAN BUKIT GANTANG DI PERAK BERIKUTAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA YANG DIISYTIHARKAN MUFLIS SEBELUM MESYUARAT PERWAKILAN DIADAKAN BARU-BARU INI.

MT JUG4 MENETAPKAN BAHAWA MEREKA YANG MUFLIS SELEPAS BERTANDING DIKEHENDAKI MELETAKKAN JAWATAN DAN KEKOSONGAN ITU DIPANGKU OLEH ANGGOTA JAWATANKUASA SELEPASNYA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PEMILIHAN SEMULA PERLU DIADAKAN BAGI MEMATUHI PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH AKTA PERTUBUHAN UNTUK WEMASTIKAN KEAOILAN UNTUK SEMUA.

+ JIKA MEREKA TERPILIH MEMEGANG APA JUA JAWATAN, MEREKA SEPATUTNYA BERHENTI DENGAN SENDIRINYA DAN KITA AKAN BERITAHU KEPADA MEREKA, + KATA PRESIDEN UMNO ITU PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUN14 PUTRA DI SINI.

MENURUT AKTA PERTUBUHAN, SESIAPA YANG DIISYTIHARKAN MUFLIS TIDAK BOLEH MEMEGANG SEBARANG JAWATAN DALAM MANA-MANA PERTUBUHAN. -- LAGI.
1620MST 14 09 89

0756

U B430 DE 8
MAHATHIR - MUFLIS 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PEMILIHAN JAWATAN PERLU DIADAKAN SEMULA TERUTAMA JIKA PENERUS MESYUARAT YANG MUFLIS KERANA PENERUS BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PERJALANAN MESYUARAT.

+ KALAU PENERUS ORANG YANG SUDAH TIDAK LAYAK JADI PENERUS, MAKA PERJALANAN MESYUARAT ITU TIDAK SAH LANGSUNG MAKA TERPAKSA DIADAKAN MESYUARAT SEMULA, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, SETAKAT INI HANYA DUA BAHAGIAN DIDAPATI PERLU MENGADAKAN SEMULA PEMILIHAN DAN MT SEDANG MENYIASAT TIGA ATAU EMPAT LAGI BAHAGIAN YANG MEMPUNYAI MASALAH SEUMPAMA ITU.

MENGENAI KEDUDUKAN PEGAWAI KUMPULAN 4 YANG MEMEGANG JAWATAN DALAM PARTI, DATUK SERI OR MAHATHIR BERKATA, MEREKA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBUAT KEPUTUSAN SAM4 AD4 MELETAKKAN JAWATAN DALAM PARTI ATAU JAWATAN DALAM KERAJAAN.

+ KITA MEMANG MAHU MEREKA MENYERTAIPARTI TETAPI, UNDANG-UNDANG NEGARA MENCEGAH MEREKA DAN (MEMANDANGKAN) KITA DARIPADA SEGI PERLEMBAGAAN TIDAK BOLEH MENGATASI UNDANG-UNDANG NEGARA, MAKA KITA TERPAKSA PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA, + TAMBAHNYA. -- LAGI.
1628MST 14 CI? 89

D761

u 8436 DEB
MAHATHIR - HUFLIS 3 KUALA LUHPUR

KATANYA, SEKIRANYA UNDANG-UNDANG TIDAK DIPATUHI, BELIAU JUGA KHUATIR ADA GOLONGAN TERTENTU YANG BERNIAT JAHAT AKAN HEHEAWA PERKARA ITU KE HAKKAKAH YANG BOLEH HENGAKIBATKAN UMNO DIISYTIHARKAN TIDAK SAH SEKALI LAGI.

MENURUTNYA, KEMUNGKINAN ITU PERLU DIELAKKAN DENGAN MENASIHATI PEGAWAI-PEGAWAI KUHPULAN A SUPAYA TIDAK MEMEGANG JAWATAN DALAM PARTI.

HENGENAI KEENGGANAN CAWANGAN GERTAK MERAH HENERIMA PEMBAHARUAN KEANGGOTAAN ANGGOTA PARLIHEN JOHOR BAHARU, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD MELALUI CAWANGAN ITU, BELIAU BERKATA, CAWANGAN DAN BAHAGIAN TIDAK BERHAK MENOLAK MANA-MANA ANGGOTA PARTI KERANA MT, PADAMESYUARAT LEPAS, TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA SEMUA PERMOHONAN UNTUK MENYERTAI UMNO DITERIMA DENGAN SAH.

KEPUTUSAN ITU MELIPUTI PERHOHONAN OLEH BEKAS ANGGOTA, DAN CAWANGAN DAN BAHAGIAN TIDAK BERHAK UNTUK TIDAK MENGIKTIRAF KEANGGOTAAN MEREKA, KATANYA.

BELIAU JUGABERKATA, HESYUARAT HARI INI TIDAK MEMBINCANGKAN SOAL TAWARAN JAWATAN ANGGOTA MT KEPADA DATUK SHAHRIR. -- LAGI.

1638MST 14 09 89

^*^*U 6460 DEB

(ULANGAN: HEHBETULKAN PERENGGAN PERTAMA... BEKAS TIMBALAN PERDANA HENTERI)

MAHATHIR - HUFLIS 4 KUALA LUMPUR RRRR

BERHUBUNG PERLANTIKAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSA HITAM UNTUK HENYERTAI PERWAKILAN HALAYSIA KE PERRIHPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU YANG AKAN DATANG, PERDANA HENTERI BERKATA: +BELIAU ANGGOTA UHNO. BELIAU BOLEH BUAT SESUATU KERJA. KITABAGI DIA BUAT. APA SALAHNYA. +

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN LAPORAN MEDIA KONONNYA DATUK HUSA SEDAN6 +DIPULIHKAN,+ SEBAGAI TAFSIRAN AKHBAR BERKENAAN;

APABILA DITANYA SAHA ADA BENAR DATUK HUSA DITAWARKAN JAWATAN MENTERI, BELIAU BERKATA, SETAKAT INI KABINET TIDAK ADA HEHBUAT APA-APA KEPUTUSAN.

HENGENAI LAPORAN AKHBAR BAHAWA ANGGOTA PARLIMEN 6UA MUSANG, TENGGU RAZALEIGH HAHZAH BERHASRAT MENYERTAI UHNO MELALUI +PIHAK KETIGA+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, UHNO TERBUKA KEPADA SEHUA TETAPI BELIAU HENEGASKAN BAHAWA PARTI ITU TIDAK HAHU ORANG YANG BERHASRAT UNTUK HEROSAKKAN PARTI.

ANGGOTA PARLIHEN KOK LANAS, DATUK ABDULLAH AHMAD DILAPORKAN BERKATA SEHALAH BAHAWA BELIAU DIBERITAHU YANG TENGGURAZALEIGH TELAH HEHBAYANGKAN HASRATNYA UNTUK KEMBALI SEMULA KE DALAM UMNO. -- LAGI.
1742MST 14 09 09

D776

UB449 D E B
MAHATHIR - MUFLIS 5 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI, MESYUARAT MT KIRA-KIRA TIGA JAM MULAI 10 PAGI ITU, MENUMPUKAN SOAL PENTADBIRAN PART 1 DISAMPING SOAL EKONOMI DAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

MENGENAI EKONOMI NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, MT MEMANDANG BERAT KETIDAKSANGGUPAN RAKYAT TEMPATAN MEREbut PELUANG PEKERJAAN DALAM BIDANG TERTENTU, SEPERTI PEMBINAAN, YANG MENAWARKAN GAJI LUMAYAN.

KATANYA, SELAGI RAKYAT TEMPATAN ENGGAN MENGISI KEKOSONGAN ITU, LEBIH RAMAI RAKYAT ASING AKAN DATANG BEKERJA DAN MEMBAWA BALIK KEUNTUNGAN.

KERAJAAN TIDAK MAMPU MENYEKAT KEMASUKAN RAKYAT ASING KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI PANTAI YANG PANJANG, KATA BELIAU DAN MENAMBAH, MEREKA PASTI TIDAK DATANG SEKIRANYA RAKYAT TEMPATAN TELAH MEREbut PELUANG ITU.

KETIKA DITANYA APAKAH RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MENGUBAH SIKAP RAKYAT TEMPATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +BARANGKALI SOAL INI BOLEH DISERAHKAN KEPADA PIHAK AKHBAR UNTUK MENULIS LEBIH BANYAK ARTIKEL-ARTIKEL YANG BERNAS.+ -- BERNAMA.

1708MST 14 09 89
